

06/06/2002

Pertemuan PM, Pope tingkat kefahaman agama

Rosniza Mohd Taha

PUTRAJAYA, Rabu - Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Vatican City untuk berjumpa Ketua Agama Roman Katholik, Pope John Paul II diharap menggalakkan lebih banyak perbincangan di antara pemimpin negara Islam dan ketua agama lain bagi membetulkan persepsi dan meningkatkan kefahaman mengenai Islam.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, pertemuan itu penting bagi membolehkan perbincangan mengenai pelbagai isu semasa Islam termasuk Asia Barat, keganasan dan salah faham terhadap Islam.

"Perbincangan Dr Mahathir dan Pope akan melahirkan keharmonian dan kefahaman lebih mendalam antara Islam dan Kristian bukan saja di Malaysia malah di seluruh dunia khususnya bagi mewujudkan persefahaman antara tamadun dan agama.

"Pope sebagai pemimpin agama yang dihormati berpengaruh besar bagi memastikan usaha membetulkan salah faham dan penderaan terhadap umat Islam diatasi termasuk mencapai kedamaian di Palestin," kata kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat utusan khas kepada Presiden Malawi, Leonard K Mangulama.

Beliau mempertahankan pendirian Malaysia, keganasan dan penaklukan hanya akan mencetuskan keganasan dan cara terbaik bagi mencapai keamanan ialah menggunakan pendekatan diplomatik dan rundingan.

Perdana Menteri dijangka melawat Vatican City mulai esok hingga 8 Jun sebelum melakukan lawatan rasmi ke Switzerland dan Luxembourg, masing-masing mulai 9 hingga 11 Jun dan 11 hingga 13 Jun.

Syed Hamid berkata, lawatan Dr Mahathir ke Switzerland dan Luxembourg dijangka dapat meningkatkan perhubungan dua hala khususnya dalam bidang ekonomi termasuk perdagangan dan pelaburan.

"Kita berharap dapat menjadikan Labuan sebagai pusat kewangan pesisiran pantai hasil kerjasama dengan Luxembourg yang mempunyai operasi pengurusan dana yang baik," katanya.

Mengenai lawatan utusan khas Malawi, Syed Hamid berkata, kerajaan bersetuju menghulurkan bantuan makanan berjumlah AS100,000 berikutan masalah kemarau di negara itu.

"Kita juga sedang mempertimbangkan untuk memberi bantuan kelengkapan untuk membina semua stesen televisyen negara itu yang musnah dalam satu kebakaran baru-baru ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid berkata, konflik India-Pakistan akan dibincangkan dalam mesyuarat Menteri Luar Asia Eropah (Asem) keempat di Sepanyol yang akan berlangsung selama dua hari mulai esok.

"Menteri yang hadir pada mesyuarat itu dijangka menggesa pemimpin India dan Pakistan untuk mencapai persetujuan diplomatik kerana jika peperangan tercetus di negara itu, keamanan serantau akan turut terganggu," katanya yang akan berlepas ke negara itu malam ini.

Mengenai perkembangan baru rakyat Malaysia di India dan Pakistan, Syed Hamid berkata, ahli keluarga perwakilan di India sudah kembali ke tanah air mulai semalam walaupun pejabat perwakilan masih beroperasi.

"Setakat ini, perwakilan di Pakistan tidak menghantar ahli keluarga mereka pulang," katanya.

(END)